



## **IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2026**

Kerajaan Negeri Sabah mempelawa permohonan Biasiswa untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana. Syarat utama permohonan ialah pemohon warganegara Malaysia dan salah satu ibu bapanya hendaklah warganegara Malaysia yang berasal dan bermastautin di Sabah.

### **JENIS TAJAAN**

#### **1. ANUGERAH BIASISWA TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI SABAH**

Peringkat pengajian	:	<b>SARJANA MUDA</b>
Kelayakan akademik	:	<i>Lulus <b>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</b> dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>9 A</b> dalam mata pelajaran termasuk <b>Bahasa Melayu</b> dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon</i>
		<i>Lulus <b>Matrikulasi/Asasi/Foundation/A-Level</b> dengan memperoleh <b>PNGK/CGPA 4.0</b>.</i>
Tempat Pengajian	:	Luar Negara

#### **2. BIASISWA CEMERLANG KERAJAAN NEGERI SABAH**

Peringkat pengajian	:	<b>SARJANA MUDA</b>
Kelayakan akademik	:	<i>Lulus <b>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)</b> dengan memperoleh <b>PNGK/CGPA 4.0</b>. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.</i>
Tempat Pengajian	:	Dalam Negeri dan Luar Negara

#### **3. BIASISWA PERDANA**

Peringkat pengajian	:	<b>DIPLOMA</b>
Kelayakan akademik	:	<i>Lulus <b>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</b> dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>5 kredit</b> dalam mata pelajaran termasuk <b>Bahasa Melayu</b> dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan <b>kepujian</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Inggeris</b> untuk universiti yang</i>

Tempat Pengajian	:	<i>menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Penghantar.</i> Institut Pengajian Tinggi Tempatan
Peringkat pengajian Kelayakan akademik	:	<b>SARJANA MUDA</b> <i>Lulus Diploma/ Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM)/ Matrikulasi /Asasi/ Foundation/A-Level dengan memperoleh sekurang-kurangnya PNGK/CGPA 3.0</i>
Tempat Pengajian	:	Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia ( <b>STAM</b> ) dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>Jayyid.</b> Institut Pengajian Tinggi Tempatan
Peringkat pengajian Kelayakan akademik	:	<b>SARJANA</b> <i>Lulus Sarjana Muda dengan memperoleh sekurang-kurangnya PNGK/CGPA 3.5</i>
Tempat Pengajian	:	Institut Pengajian Tinggi Tempatan
Peringkat pengajian Kelayakan akademik	:	<b>PERUBATAN</b> <i>Kursus Perubatan, Pergigian dan Farmasi perlu memperoleh sekurang-kurangnya PNGK/CGPA 3.8 di peringkat STPM/ Diploma/ Matrikulasi. Tawaran Biasiswa hanya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negeri sahaja</i>
Tempat Pengajian	:	Institut Pengajian Tinggi Tempatan

#### **(A) BIDANG KURSUS**

**STEM (SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING, AND MATHEMATICS)**, Sastera Ikhtisas, Sains Sosial dan Sains Gunaan

**\*BKNS akan membiayai Yuran Pengajian mengikut kadar Universiti Awam (UA) Sahaja. (Pengajian tanpa subsidi yuran adalah tidak ditaja) manakala, kadar yuran pengajian di Government-Linked Universities (GLU) adalah tertakluk kepada inbois yang dikeluarkan oleh GLU.**

#### **(B) KELAYAKAN UMUR**

Diploma	:	20 Tahun
Sarjana Muda	:	25 Tahun
Sarjana	:	28 Tahun

### **(C) CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem dalam talian dengan melayari laman sesawang <https://ptps.sabah.gov.my>. Pemohon juga diwajibkan untuk mendaftar menggunakan alamat e-mel peribadi yang masih aktif.

### **(D) PERHATIAN**

\*Tarikh tutup permohonan akan dimaklumkan kelak.

\*Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

\*Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel pemohon.

\*Permohonan akan dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas selepas 30 November 2026.

**Bahagian Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri**

16/03/2026